

## Ceramah **Kamal Affandy** pikat warga UMP

Ceramah 'Wanita vs Jenayah' yang disampaikan oleh Penganalisis Jenayah daripada Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Kamal Affandy Hashim berjaya memikat lebih 350 orang warga Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Beliau merupakan pelakon dan juga pakar dalam bidang jenayah serta sering muncul di kaca televisyen dalam program yang berkaitan penganalisaan jenayah di Malaysia.

Program anjuran Pejabat Naib Canselor dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEPA) itu diadakan bersempena dengan Majlis Pelancaran Buku 'Haknuk' dan Perasmian Karnival Usahanita UMP pada 16 Jun 2009 yang lalu di Dewan Kuliah Utama, Blok W, UMP.

Selain itu, ceramah tersebut turut dihadiri oleh pelajar dan staf dari institusi pengajian tinggi (IPT) yang berdekatan seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jengka, UiTM Kuantan, Institut Kemahiran Ikhtisas Pahang (IKIP) dan Kolej Komuniti Kuantan.

Ceramah tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kaum wanita khususnya tentang aspek keselamatan diri, keselamatan anak-anak perempuan, penyalahgunaan dadah dan bagaimana cara untuk mempertahankan diri apabila berhadapan dengan masalah jenayah seperti ragut, rogol dan bunuh yang semakin berleluasa di kalangan kaum wanita.

